

31 JAN 2001

Halim-amanat

DUA AMANAT HALIM ALI KEPADA SAMSUDIN

PUTRAJAYA, 31 Jan (Bernama) -- Tan Sri Abdul Halim Ali, yang menamatkan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) hari ini, memberi dua amanat kepada penggantinya Tan Sri Samsudin Osman -- pertingkatkan hubungan baik antara sektor awam dan orang ramai dan tentukan bahawa akaun jabatan-jabatan kerajaan disenggarakan dengan lebih baik lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas beliau kepada penggantinya itu yang disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Abdul Halim berkata beliau yakin kedua-dua amanat itu, yang serupa seperti yang diberikan kepadanya oleh Perdana Menteri ketika beliau baru dilantik KSN, dapat disempurnakan dengan baik oleh Samsudin dengan kerjasama erat kakitangan awam.

Abdul Halim yang dilantik pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berkuatkuasa esok, berkata bahawa satu cara meningkatkan hubungan antara sektor awam dan orang ramai ialah dengan memperbaiki tahap perkhidmatan kepada orang awam khususnya perkhidmatan kaunter.

Beliau berkata walaupun banyak kemajuan dicapai oleh sektor awam, masih terdapat teguran terhadap beberapa jabatan terutama mengenai layanan di kaunter.

Katanya antara kemajuan yang dicapainya ialah usaha meningkatkan kecekapan dan kepantasan urusan di kaunter seperti dalam meluluskan permohonan dan penerimaan pasport ke luar negeri, kad pengenalan dan pengwujudan perkhidmatan bayaran bil setempat.

"Sejak saya menjadi KSN, ada kebaikan yang saya bawa. Tapi masih ada juga kelemahan yang perlu diatasi dari segi penyenggaraan akaun jabatan-jabatan kerajaan," katanya.

Secara keseluruhan, akaun kerajaan dikemukakan lebih cepat dan mengikut jangka waktu yang ditetapkan tetapi masih ada kelemahan yang menyebabkan kejayaan tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Abdul Halim juga berkata bahawa semakin banyak kakitangan awam kini berpendidikan tinggi dan komited untuk meningkatkan prestasi kerja.

Ditanya mengenai pengalaman manisnya selaku KSN, beliau berkata beliau berpuas-hati kerana mendapat sokongan dan kerjasama dari setiap lapisan pegawai dalam melaksanakan tugas.

"(Ini saya perolehi walaupun) saya datang dari jurusan perkhidmatan awam bukan dari dalam negeri tetapi luar negeri," kata Abdul Halim yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Luar sebelum dilantik KSN.

Antara pembaharuan ketika beliau memegang jawatan tertinggi sektor awam ialah pelantikan wanita ke jawatan-jawatan tinggi sektor awam.

"Dalam waktu saya memegang jawatan-jawatan ini juga saya dapati kaum wanita tentu sekali seronok melihat ramai wanita memegang jawatan tinggi dalam sektor awam, kita ada Peguam Negara dan beberapa ketua setiausaha kementerian dari kaum wanita," katanya.

Antara pencapaian lain semasa beliau menjadi KSN ialah peningkatan taraf Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

"Perisytiharan (Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan) akan dilangsungkan esok dan semua proses (persiapannya) sudahpun selesai," katanya, sambil menambah pembangunan di Putrajaya juga berjalan seiring selama tempoh tugas sebagai KSN.

Abdul Halim juga menceritakan pengalamannya sebagai "perintis" di Pusat Pentadbiran Kerajaan baru di Putrajaya ini iaitu antara pegawai kerajaan pertama berpindah pejabat ke pusat pentadbiran kerajaan baru itu.

"Sayalah antara pegawai-pegawai yang pertama duduk di pejabat ini dalam keadaan habuk, debu semua. Tetapi itu perlu dilaksanakan supaya kita dapat memberi galakan kepada pegawai-pegawai lain untuk datang ke Putrajaya.

"Dulu pokok pun tak ada sekarang sudah ada taman yang indah Dalam waktu dua tahun (Putrajaya) sudah cantik," katanya.

-- BERNAMA

RIZ AZZ MAI